KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	06/12/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	JMG			

SH 6.12.2021_32

Sistem amaran awal tanah runtuh akan ditambah

KOTA BHARU - Kementerian Tenaga dan Sumber Asli akan menambah bilangan sistem amaran awal tanah runtuh di kawasan berisiko tinggi berlakunya kejadian tanah runtuh.

Menterinya, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, kerajaan dalam masa sama akan menjalankan kempen kepada penduduk di kawasan berisiko supaya penduduk peka dengan kejadian tersebut.

"Jabatan Mineral dan Geosains akan sentiasa membuat pemantauan kerana mereka mempunyai peta tapak kawasan berisiko tinggi.

"Sistem ini juga akan diletakkan di Gunung Jerai, Kedah kerana kita tidak dapat menjangkakan kawasan mana berisiko berlaku tanah runtuh," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian Insentif Kecemerlangan Peperiksaan SPM/STAM/STPM 2020 di sini pada Ahad.

Takiyuddin berkata, sistem seumpama itu telah ditempatkan di beberapa negeri seperti Sabah, Kedah dan kawasan tanah tinggi seperti Cameron Highlands, Pahang.

Tambahnya lagi, pemasangan sistem amaran awal itu dapat mengelakkan perkara tidak diingini berlaku.

"Kita tidak mahu peralatan sudah ada tetapi tiada pula kesedaran.

"Dengan adanya dua perkara ini (sistem dan kesedaran) semua masalah ini akan dapat diatasi kerana ini adalah satu daripada langkah proaktif," katanya - *Bernama*